



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR
02 OGOS 2017 (RABU)**

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- | | |
|--|----|
| - PBT, peniaga perang mulut | 39 |
| - Penduduk setuju pelebaran susur masuk | 39 |
| - Dua laluan tambahan Bas Smart Selangor | 39 |

Utusan Malaysia

- | | |
|--|----|
| - Peniaga bolot parkir | 30 |
| - Kemelut peniaga gerai Kg. Pasir berterusan, operasi roboh
Ditangguh | 30 |



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
02 OGOS 2017 (RABU)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	PBT, peniaga perang mulut
Muka Surat	39

PBT, peniaga perang mulut

Operasi merobohkan 37 gerai bertukar kecoh, seorang dibawa ke balai polis untuk pemeriksaan

UKAY PERDANA - Operasi merobohkan 37 premis di persimpangan selekeh Kampung Pasir, Ukay Perdana, Hulu Klang di sini, semalam bertukar kecoh apabila berlaku perang mulut antara segenitir peniaga terbabit dengan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Dalam kecoahan itu, seorang individu dipercaya dibawa ke balai polis untuk pemeriksaan berikutkan provokasi antara mereka ketika operasi yang disertai kira-kira 100 pengukuasa oleh Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Gombak.

Kekecohan itu kemudian berjaya dilakau anggota polis.

Difahamkan, operasi merobohkan gerai terbabit ditangguhkan sehingga perbincangan antara ahli politik kawasan itu, Gabungan NGO-NGO 1Malaysia (GNIM) dan PDT Gombak mencapai kata putus.

Seorang peniaga yang enggan dikenali berkata, mereka minta ihsan pihak berkenaan agar mencari jalan penyelesaian.

"Wakil rakyat harus ber-



Keadaan kecoh yang berlaku.



Kamarudin menunjukkan salinan notis para peniaga yang diantarah ke mahkamah.

suara bagi pihak kami untuk cari jalan penyelesaian terbaik atau situasi menang-nang dalam perunding-an," katanya.

Sementara itu, pegawai yang mewakili segenitir peniaga, Kamarudin Ahmad berkata, seramai tujuh peniaga telah membawa isu ini ke Mahkamah Tinggi Shah Alam.

"Para peniaga ini memohon perintah melarang PDT Gombak merobohkan gerai ini, mereka juga mewantun tapak pemindahan

dan wang sagu hati sebanyak RM60,000 seorang bagi membolehkan mereka membina semula gerai," katanya.

Dalam perkembangan sama, koordinator pembangunan persekutuan N 18 Dun Ulu Kelang, Ismail Ahmad berkata, isi peniaga yang berniaga lebih 20 tahun ini harus dipandang serius.

"Ini adalah mata pencarian mereka, ini bukan soal politik, kita harus cari jalan penyelesaian tidak kira mereka ini sokong parti mana pun. Mereka ni merupakan bekas

INFO
● Peniaga premis di kawasan rizab jalan itu diberikan peluang untuk bermiaga selama 26 tahun di atas tanah milik kerajaan bermula 1991 hingga 2017

askar, ibu tunggal dan anak yatim yang menjalankan perniagaan di sini, kita harus perjuangkan nasib mereka.

"Pihak berkenaan

khususnya pihak berkuasa tempatan harus mencari alternatif iaitu lokasi lain di mana mereka ini akan mencari rezeki selepas ini. Kami dimaklumkan oleh seorang ahli politik lokasi itu sudah dikenal pasti," katanya.

Ismail berkata, pihaknya pula akan memohon bantuan daripada pemaju.

"Tapak yang mahu dipindahkan itu, tapak kosong tapak yang berbukit, para peniaga terpaksa meratakan tapak serta membuat long-kang, mereka juga perlu kos

kerja tersebut," katanya.

Isu berkenaan timbul selepas Pejabat Daerah dan Tanah Gombak mengeluarkan notis arahan pengosongan gerai pada 20 Jun lalu bagi memberi laluan kepada pembinaan Lebuhraya Lembah Klang Timur (EKEV).

Berdasarkan notis tersebut, peniaga premis di kawasan rizab jalan Jabatan Kerja Raya (JKR) itu diberikan peluang untuk bermiaga selama 26 tahun di atas tanah milik kerajaan bermula 1991 hingga 2017.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR
02 OGOS 2017 (RABU)**

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Penduduk setuju pelebaran susur masuk
Muka Surat	39

SH 21/8/17 M/S 39
Penduduk setuju pelebaran susur masuk

BUKIT ANTARABANGSA

- Majoriti penduduk Bukit Antarabangsa Zon 5 dan Ukay Perdana Zon 4 bersetuju dengan tindakan bakal diambil agensi yang akan melaksanakan pelebaran susur masuk ke Jalan Utama Ukay Perdana.

Wakil Jawatankuasa Penduduk yang enggan dikenali berkata, perkara ini telah berlanjutan hampir setahun dan beberapa siri rundingan telah diadakan oleh ahli politik kawasan itu dengan agensi-agensi kerajaan terbabit.

"Kami juga dimaklumkan perbincangan daripada beberapa siri mesyuarat telah diadakan antara wakil-wakil peniaga yang menjalankan perniagaan berhampiran susur itu," katanya.

Beliau berkata, difahamkan Kerajaan Negeri Selangor juga telah mengeluarkan arahan agar pihak pemaju membayar sagu hati dan bukan pampasan kepada 37

para peniaga.

"Namun para peniaga mahu bertemu dan berunding lagi untuk mendapatkan satu kadar bayaran yang lebih munasabah. Penduduk di kawasan ini berharap perkara ini dapat diselesaikan segera, pembangunan yang akan dilaksanakan ini dijangka dapat mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas.

"Peniaga di sini dah bermula sejak 1991 dan telah tiga kali berpindah. Peniaga turut mendakwa mereka dijanjikan penempatan semula di sebuah tapak 'Plot 5' yang tidak diketahui lokasinya untuk mereka menjalankan perniagaan," katanya.

Dalam laporan *Sinar Harian* sebelum ini, kesemua peniaga di atas rizab JKR menerima notis pengosongan selama sebulan iaitu sehingga 31 Julai ini bagi memberi laluan kepada projek East Klang Valley Expressway (EKVE) dijalankan.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
02 OGOS 2017 (RABU)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Dua laluan tambahan Bas Smart Selangor
Muka Surat	39

Dua laluan tambahan Bas Smart Selangor

94 2/8/17
M/S 39

AMPANG - Penduduk di sekitar Ampang Jaya kini boleh menikmati perkhidmatan bas percuma Smart Selangor sumbangan Kerajaan Selangor dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dengan dua laluan tambahan bagi perkhidmatan itu.

Ahli Majlis MPAJ, Mohamad Samat, berkata, laluan baharu yang jaraknya 6.2 kilometer itu adalah laluan LRT Cempaka ke Taman Bukit Teratai meliputi 10 lokasi perhentian dengan anggaran masa 15 hingga 20 minit satu pusingan.

"Kita mengharapkan dengan adanya kemudahan awam bas percuma ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh masyarakat setempat khususnya penduduk Dun Teratai, Terutamanya murid-murid Sekolah Kebangsaan (SK) Taman Bukit Teratai.

"Bas ini juga akan melalui Jalan Mawar ke Bulatan Seraya seterusnya ke Bulatan Mawar yang mana murid Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Seraya da-



ABD HAMID

MOHAMAD

pat menikmati kemudahan ini," katanya

Mohamad berkata, semoga dengan adanya kemudahan ini dapat mengurangkan sedikit kesusahan rakyat yang terbeban dengan peningkatan kos sara hidup.

"Kerajaan negeri telah memperuntukkan RM20 juta dalam Belanjawan 2017 bagi penambahan laluan dan penambahbaikan perkhidmatan bas Smart Selangor di semua pihak berkuasa tempatan," katanya.

Sementara itu Yang Dipertua MPAJ, Abd Hamid Hussain berkata, sebuah lagi laluan tambahan adalah laluan Bandar Baru Ampang (Flat Sri Nilam)-Taman Cahaya-Taman Dagang Jaya (Aeon Big Ampang).

"Jarak perjalanan keseluruhan adalah 12.3 kilometer. Laluan ini dipecahkan kepada dua laluan yang bergerak serentak iaitu AJ02A melalui Jalan Wawasan (Sri Nilam)-Taman Ampang Mewah-Taman Cahaya-Jalan Dagang Besar-Jalan Ampang (LRT Ampang).

"Manakala AJ02B pula melalui Jalan Wawasan (Sri Nilam)-Jalan Ampang (Waterfront)-Jalan Taman Putra (Aeon Big Ampang)-Taman Sri Baru (Ampang Campuran) untuk mengelakkan dari mengambil tempoh perjalanan yang lama," katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
 MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
 PANDAN INDAH, SELANGOR,
 55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
02 OGOS 2017 (RABU)

Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Peniaga bolot parkir
Muka Surat	30

HENTIGUNA PARKIR ORANG AWAM

Pihak berkuasa tempatan (PBT) seharusnya membuat perintauan serta mengambil tindakan penguatkuasaan kepada pemilik premis yang menggunakan petak parkir awam untuk kepentingan perniagaan mereka.

ZUASNURFADILLA JASMI
Pekerja Swasta

Jika benar pemilik premis mengambil permenungan sewa petak parkir daripada pihak PBT tidak mengapa. Apa yang berlaku hari ini adalah sebaliknya apabila ramai yang mahu mengambil kesempatan.

NURUL SYAHIRA MOHD. RAZANA
Pekerja Swasta

Mementingkan kereta sendiri-masing merupakan punca peniaga selepas menggunakan parkir awam berbanding perlu mengemukakan permohonan sewa petak yang telah ditetapkan pihak PBT.

MOHD. ZAINUDIN AWANG
Peniaga

PEMILIK premis yang ingin menggunakan petak letak kereta bagi tujuan perniagaan perlu mengemukakan permohonan sewaan petak khas terlebih dahulu.

KAMI PANTAU KHIDMAT ANDA

Salah guna kemudahan awam, sebabkan kesesakan lalu lintas

Peniaga bolot parkir?

um 2/8/17 115 30

Oleh ROSKHOIRAH YAHYA
kota@utusangroup.com

KUALA LUMPUR 1 OGOS

PETAK letak kereta yang disediakan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) di kawasan-kawasan tumpuan seperti di pusat komersial bertujuan mewujudkan keselesaan dan kemudahan orang ramai.

Namun, salah tamat, segelintir pemilik premis yang seolah-olah mahu memanfaatkan kendalian itu mengundang rasa teriklan dan marah orang awam.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di sekitar kawasan Pandan Indah dan Bandar Tasik Sri Permaisuri mendapati, pemilik sejak awal pagi meletakkan kon di hadapan kedai sebagai tanda milik mereka.

Berdasarkan pemerhatian pemilik premis menjual aksesori kereta, tayar dan restoran antara yang banyak menggunakan petak parkir awam.

Undiglamuran peniaga sendiri ketika tinjauan mendapat dalaan orang awam berhubung kesukaran mendapatkan petak letak kereta di kawasan itu bersama.



Mereka membolot lebih daripada satu petak demi kepentingan perniagaan tanpa rasa bersalah selain menggunakaninya dalam tempoh masa yang lama.

KEKURANGAN parkir turut menyebabkan kesesakan lalu lintas di kawasan perniagaan di Pandan Indah, Selangor.

Penuis terpaksa berpusing di bali untuk mencari tempat parkir dan hanya selpas 10 minit petak kosong baru ditemui.

Tindakan segelintir peniaga itu bukan sahaja menyulurkan orang ramai yang mahu berurusan di bangunan berhampiran, tetapi turut menimbulkan kesesakan di

kereta di hadapan premis sebagai tempat khas dengan membuat permohonan sewaan kepada pihak berkuasa tempatan, namun masih ada yang tidak berbuat demikian.*

Segelintir mereka masih bersikap degil dan tetap menyalahgunakan kemudahan itu hanya untuk kepentingan diri sendiri.

ISU kekurangan tempat letak kereta menjadi masalah utama kepada orang awam di sekitar Pandan Indah, Selangor.

Tunda kereta, alih barang peniaga di parkir awam - MPAJ

KUALA LUMPUR 1 OGOS - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) akan merancang dan mengalihkan barangan peniaga yang didakwa pati sengaja dilekatkan di petak letak kereta orang awam.

Yang Dipertua-nya Abdul Hamid Hussain berkata, sebaik tindakan ini dilakukan pemilik premis akan diberi notis terlebih dahulu.

"Kita akan mengeluarkan notis kepada peniaga namun, jika mereka ingkar kereta yang terlibat akan ditarik untuk dikenakan tindakan kompaun."

"Pelbagai langkah telah dilakukan bagi menggalakkan mereka menyewa petak khas gadakan operasi halangan secara berkala dan akan menyita barang-barang yang terdapat di tempat parkir."

"Diharap semua peniaga dapat mengikut peraturan yang ditetapkan jika tidak mahu tundakannya penguatan diambil," katanya.

ABDUL HAMID HUSSAIN

dengan memberi diskain peniaga sebanyak 30 peratus daripada harga saiz istimewa RM 240 sebulan," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Tambah Abdul Hamid, bagaimanapun, tawaran tersebut hanya diberikan kepada mereka yang laju seperti kedai aksesori, butik kereta, kedai cuci kereta dan hotel.

"Kita juga menganjurkan operasi halangan secara berkala dan akan menyita barang-barang yang terdapat di tempat parkir."

"Diharap semua peniaga dapat mengikut peraturan yang ditetapkan jika tidak mahu tundakannya penguatan diambil," katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
02 OGOS 2017 (RABU)

Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Kemelut peniaga gerai Kg. Pasir berterusan, operasi roboh ditangguh
Muka Surat	30

Kemelut peniaga gerai Kg. Pasir berterusan, operasi roboh ditangguh

AMPANG JAYA 1 Ogos - Kemelut melibatkan 37 peniaga premis setinggan di persimpangan selekoh Kampung Pasir, Ukay Perdana, Hulu Klang di sini bagi riadah ke-sudahan apabila pihak berkusa mahu merobohkan struktur perniagaan mereka hari ini.

Bagaimanapun, operasi merobohkan premis tersebut ditangguh ekoran berlaku kekecohkan apabila terciptas perang mulut dan provokasi antara sejumlah peniaga dengan penguat kuasa Majlis Perbandaran Ampang Jaya dan wakil Pejabat Tanah Daerah (PTD) Gombak.

Koordinator Pembangunan Persekutuan N18 Dewan Undangan Negeri (DUN) Hulu Klang, Ismail Ahmad berkata, operasi itu ditangguh sehingga perbincangan antara Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Hulu Kelang, Saari Sun-

gi, Gabungan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) 1Malaysia (GNIM) dan PTD Gombak mencapai kota putus dalam masa terdekat.

"Ini peniaga yang berniaga selama 30 tahun di situ harus dipangung serius kerana itulah mata pencarian mereka. Apa yang penting ialah mereka pun masalah tersebut mahu diselesaikan dan nasib mereka diperjuangkan."

"Kebanyakan mereka merupakan pesar tentera, ibu tunggal yang sakit dan anak yatim. Mereka tidak menghalang pembangunan, tetapi pihak berwajib perlu menyediakan tempat baharu atau alternatif untuk mereka mencari rezeki," katanya kepada pemberita ketika ditemui semasa bantahan tersebut.

Selain Saari, yang turut hadir

Pengerusi GNIM, Nazlee Aziz Yeop dan peguambele mewakili sege-

linir peniaga, Kamardudin Ahmad.

Menurut Ismail, pihaknya akan memohon bantuan daripada pihak peniaga bagi menyelesaikan perkara itu.

"Kami dimaklumkan bahawa lokasi baru sudah dikenal pasti. Tapak yang mahu dipindahkan itu tapak kosong dan berbuluk. Para peniaga perlu membuatkan hak bagi mempunyai sistem perparian dan mereka memerlukan kos bagi kerja-kerja tersebut," katanya.

Sementara itu, Kamardudin pula berkata, seramai tujuh peniaga membawa isu tersebut ke Mahkamah Tinggi Shah Alam bagi memohon perintah melarang PTD Gombak merobohkan gerai tersebut.

"Merelya juga meminta tapak pemindahan dan wang suguhi sebanyak RM60,000 seorang bagi membolehkan mereka membina semula gerai perniagaan," katanya.



OPERASI meroboh gerai ditangguhkan selepas runding dibuat antara peniaga dan penguat kuasa MPAJ di persimpangan selekoh Kampung Pasir, Hulu Klang, Selangor, semalam. - UTUSAN/ZAKARIA IDRIS